

26 JUN 2000  
OIC-Media  
KHALIL RASMI PUSAT MEDIA ICFM

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob merasmikan Pusat Media bagi sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (Mines), di Seri Kembangan, di sini, hari ini.

Pusat itu akan digunakan oleh lebih kurang 400 wakil media dari 24 negara yang berada di sini untuk membuat liputan persidangan empat hari itu yang akan dirasmikan esok oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pusat Media itu menyediakan kemudahan canggih untuk menghantar berita, foto dan filem televisyen.

Pusat akhbar utama yang dikendalikan oleh Bernama juga menawarkan kandungan berita melalui Internet dan perkhidmatan berita tepat masa Newslink oleh agensi berita itu.

Sebanyak 40 buah komputer disediakan bagi para wartawan untuk memproses berita mereka. Bagi, wartawan yang tidak begitu mahir dengan Teknologi Maklumat (IT), mesin taip juga disediakan.

Pusat Media itu berada lebih kurang 500 meter dari Hotel Palace of Golden Horses, tempat berlangsungnya ICFM.

Pusat itu dibuka oleh Kementerian Penerangan yang merupakan pengerusi Jawatankuasa Publisiti dan Media ICFM.

Selain Bernama, agensi dan jabatan lain di bawah Kementerian itu yang turut terlibat dalam mengendalikan pusat media berkenaan ialah Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan dan Filem Negara.

Lebih kurang 1,000 perwakilan dari 56 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menghadiri persidangan itu yang diadakan di Malaysia bagi kali kedua. Kali pertama ia diadakan di Kuala Lumpur ialah pada 1974.

Turut hadir di majlis itu ialah Pemangku Pengurus Besar dan Ketua Pengarang Bernama, Syed Jamil Jaafar.

Khalil kemudian melawat tempat kerja wartawan, jurugambar dan penyiar di pusat media itu.

Sementara itu, Kambiz Shamsi daripada Agensi Berita Republik Iran (IRNA) berkata, beliau kagum dengan kemudahan yang disediakan di Pusat Media itu.

"Ia telah dirancang dengan baik," kata beliau.

Para pegawai dari Qatar, yang akan menjadi tuan rumah ICFM akan datang, juga meneliti perkhidmatan yang ditawarkan di pusat itu.

-- BERNAMA

JM PR